

22/10/2002

Kesepaduan ilmu boleh satupadukan umat Islam

Mohd Shukri Hanapi

DALAM Islam semua ilmu bersumberkan daripada Allah. Malah matlamat ilmu itu menjurus kepada keimanan dan mentauhidkan Allah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Jika disoroti sejarah keintelektualisme Islam, tokoh ilmunya adalah orang yang benar-benar menguasai ilmu agama serta menguasai ilmu kealaman dan kemasyarakatan.

Kita juga perlu faham bahawa tuntutan mencari ilmu dalam hadis Rasulullah saw yang bermaksud: "Menuntut ilmu itu adalah wajib bagi setiap Muslim" merangkumi ilmu keagamaan dan keduniaan yang dapat digunakan demi kemaslahatan umat manusia seluruhnya.

Ibn Khaldun ada menjelaskan, baik ilmu naqli atau ilmu agama, ilmu syar'i (revealed knowledge), yang dipelajari sebagai ilmu agama hari ini, mahupun ilmu `aqli atau ilmu dunia (acquired knowledge) yang dipelajari sebagai ilmu kemanusiaan (humanities), ilmu kemasyarakatan (social science) dan ilmu sains tabi'i (physical sciences) adalah penting untuk kesejahteraan hidup manusia di dunia dan juga di akhirat.

Ilmu naqli menduduki taraf fardu ain (wajib dipelajari oleh semua orang Islam) kerana mengandungi ajaran mengenai akidah, syariah, akhlak yang tidak dapat dicapai melainkan dengan perantaraan wahyu daripada Allah.

Kebenaran yang terkandung dalamnya bersifat mutlak, paling tinggi, serta di luar keupayaan fikiran dan pancaindera manusia. Ilmu inilah yang mengisi keperluan rohani (spiritual) manusia dengan tepat dan secukupnya, di samping memberikan panduan-panduan yang bernilai abadi dan secepat untuk kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Ilmu ini membawa manusia mengenali tanda-tanda kekuasaan Allah dan sunnah Rasul untuk membolehkan manusia berfungsi sebagai hamba Allah di dunia dengan sebaik-baiknya.

Tetapi untuk kesempurnaan hidup di dunia secara bermasyarakat, ilmu naqli atau ilmu agama saja tidak mencukupi, meskipun ia adalah ilmu paling tinggi dalam pandangan Islam.

Manusia memerlukan pengetahuan terperinci terhadap alam fizikal, kemanusiaan dan kemasyarakatan, sesuai dengan tugasnya sebagai khalifah yang akan membangun dirinya, alam sekitarnya dan masyarakat serta membentuk sejarah sesuai dengan tuntutan akidah tauhid dan syariah Allah.

Oleh itu, ilmu pengetahuan yang dikategorikan sebagai ilmu `aqli perlu dipelajari dan dikembangkan sebagai pelengkap kepada ilmu agama.

Di negara ini, usaha untuk mengimbangkan di antara ilmu agama dan dunia amat jelas.

Misalnya, Falsafah Pendidikan Negara (Kebangsaan) yang berteraskan konsep kesepaduan diungkapkan seperti berikut: "Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

"Usaha ini bagi melahirkan rakyat Malaysia berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."

Sejak itu ia menjadi teras dan tunjang kepada semua perancangan, program dan kegiatan pendidikan negara. Bagi mencapai dan menjayakan hasrat Falsafah Pendidikan Negara ini, Kementerian Pendidikan menggubal semua

kurikulum sekolah menengah yang kini dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada 1988/89.

Manakala kurikulum sekolah rendah yang dikenali sebagai Kurikulum Baru Sekolah Rendah juga diselaraskan dengan Falsafah Pendidikan Negara pada 1993/94 menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.

Pada peringkat universiti pula, setiap pelajar diwajibkan mengambil kursus tamadun Islam.

Usaha mengimbangkan di antara ilmu agama dan dunia dalam pendidikan ini, bukanlah hanya berpusat di institusi pendidikan kerajaan. Malah, beberapa institusi pengajian tinggi swasta (Islam), yang memupuk dan memperluaskan pendidikan bersepadu melalui program akademik yang berlandaskan tauhid.

Ia bukan saja berfungsi sebagai pusat pengajian agama, malah pusat pengajian sains, teknologi dan pengurusan yang memberi peluang pendidikan tinggi dalam bidang itu agar dapat membekalkan masyarakat dengan pakar dan profesional dalam pelbagai bidang ilmu. Antara institusi pengajian yang dimaksudkan ialah Jami'ah Islamiah Sultan Ismail Petra dan Universiti Teknologi Islam.

Usaha Malaysia untuk melahirkan masyarakat berkemahiran dalam bidang agama dan bukan agama lebih jelas apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu menghuraikan konsep pembangunan dan status negara maju dalam wawasan 2020. Ia menekankan pembangunan yang menyeluruh meliputi ekonomi, politik, sosial, rohani, jiwa dan budaya. Malaysia akan dibangunkan menjadi sebuah negara maju bertaraf dunia, tetapi model dan acuannya adalah berbeza.

Malaysia akan dibangunkan mengikut acuan Malaysia. Acuan ini sesuai dengan perspektif agama dan Islam, khususnya menekankan pembangunan bersepadu meliputi rohani dan jasmani.

Segala usaha yang dilakukan ini untuk melahirkan produk yang mempunyai pandangan semesta dan nilai yang sepadu di antara agama dan bukan agama.

Ini secara tidak langsung usaha ini juga dapat menghapus dualisme dalam pemikiran yang banyak menimbulkan masalah serta menjejaskan usaha ke arah pembentukan sahsiah diri bersepadu.

Sesungguhnya konsep kesepaduan ilmu berasaskan Islam/tauhid ini saja yang dapat menyelesaikan masalah dualisme dalam sistem pendidikan, supaya tidak wujud lagi pemisahan di antara aliran ilmu agama (al-Naql) dan ilmu sains (al-'Aql).

Dengan adanya konsep kesepaduan ilmu ini, insya-Allah, kita dapat mencapai matlamat untuk menyatupadukan umat seluruhnya.